



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
Y.M TENGKU SARINA BINTI Y.M TENGKU MOHD MUZANI
(KUNA MUZANI)
PELAKON, PENYANYI DAN USAHAWAN

OLEH:

NURUL IZZAH BINTI ROSLI	2019805062
NURUL ATIQAH BINTI MOHD AZHARI	2019804996

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2021 – FEB 2022)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
Y.M TENGKU SARINA BINTI Y.M TENGKU MOHD MUZANI
(KUNA MUZANI)
PELAKON, PENYANYI DAN USAHAWAN

OLEH:

NURUL IZZAH BINTI ROSLI	2019805062
NURUL ATIQAH BINTI MOHD AZHARI	2019804996

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2021 – FEB 2022)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kami melaksanakan wawancara bersama tokoh yang dipilih iaitu Y.M Tengku Sarina Bt. Y.M Tengku Mohd Muzani atau lebih dikenali sebagai Kuna Muzani. Dengan demikian, kami juga dapat menyiapkan transkrip yang lengkap tentang wawancara tersebut. Wawancara ini adalah untuk memenuhi keperluan Kursus IMR 604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah binti Chik yang telah banyak memberikan tunjuk ajar tentang subjek ini. Beliau juga telah banyak memberikan garis panduan yang lengkap untuk menyiapkan transkrip ini mengikut prosedur sebagaimana yang dikehendaki.

Selain itu, kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Kuna Muzani kerana memberi kerjasama sepenuhnya untuk berkongsi pengalaman dan pendapat beliau mengenai bidang lakonan yang diceburi dan secara tidak langsung kami juga berterima kasih kepada keluarga beliau.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini menerangkan tentang perjalanan anak seni yang merupakan seorang pelakon, penyanyi dan juga usahawan wanita kelahiran negeri Kelantan iaitu Kuna Muzani. Beliau juga merupakan seorang ahli kerabat diraja dari negeri tersebut. Anak seni kelahiran tahun 1971 ini telah menceburi bidang lakonan semasa beliau masih berusia 12 tahun dan mula bergiat aktif dalam bidang tersebut sekitar tahun 1990an. Filem pertama dibintangi beliau ialah 'Oh Fatimah' dan memegang watak sebagai 'Gee' bersama-sama A.R. Badul, Raja Noor Baizura, Wak Sir, Allahyarham M. Rajoli dan rami lagi. Pada waktu itu beliau baru berusia 19 tahun. Selain itu, beliau juga memiliki sebuah restoran yang ditubuhkan sekitar tahun 2004 di Kuala Lumpur. Temubual ini dijalankan di restoran beliau sendiri pada jam 3 petang. Walau bagaimanapun, bakat serta kebolehan yang ada pada beliau ini boleh dipelajari oleh anak muda masa kini. Transkrip ini juga menerangkan mengenai latar belakang beliau serta serba sedikit maklumat lain tentang diri beliau. Kajian ini juga dijalankan bagi mengungkap segala kerjaya beliau semasa bergelar anak seni dan juga sebagai usahawan wanita. Oleh itu, segala maklumat tentang beliau telah didokumentasikan di dalam projek lisan ini agar dapat memberi inspirasi kepada anak muda di luar sana.*

Kata kunci: *Kuna Muzani, Kelantan, anak seni, pelakon, filem*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01-08
Bahagian 2: Kerjaya.....	09-20
Bahagian 3: Pencapaian dan Anugerah.....	21-22
Bahagian 4: Pandangan dan Nasihat.....	23-26
Rujukan.....	27
Lampiran	
Log Wawancara.....	28-31
Diari Kajian.....	32-39
Senarai Soalan Temubual.....	40-44
Surat Perjanjian.....	45
Gambar.....	46-49
Indeks.....	

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama Penuh : Y.M Tengku Sarina Binti Y.M Tengku Mohd Muzani
Nama Panggilan : Kuna Muzani
Tarikh Lahir : 14 Julai 1972
Tempat Lahir : Hospital Kota Bharu, Kelantan
Negeri Asal : Kelantan
Alamat : Residensi Pandanmas 2, Block C, 29-9, 55100 Kuala Lumpur :
No. Telefon 012-381#####
Email : namuzani72@gmail.com
Kerjaya : Pelakon, Penyanyi dan Usahawan
Tahun Aktif : 1990an – Sekarang
Bilangan Adik-Beradik : 6 Orang
Bilangan Anak : 3 Orang

PENGENALAN

PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara dan merakam audio dan video tentang keterangan-keterangan orang yang mengetahui sesuatu peristiwa sejarah sama ada melalui penglibatannya secara langsung dalam peristiwa itu atau sekadar menyaksikannya. Dalam hal ini, sejarah lisan adalah kaedah pengumpulan fakta-fakta sejarah mengenai tokoh yang masih belum lagi dikaji dan akan direkodkan untuk tujuan pendokumentasian. Kajian yang akan dijalankan merupakan kajian sejarah lisan dimana kami akan mewawancara seorang tokoh atau seniman yang telah terlibat dalam bidang Seni dan Warisan dalam tempoh yang lama. Kemudian, kajian tersebut adalah direkodkan dan disimpan untuk proses pendokumentasian. Oleh hal yang demikian, kami telah memilih seorang tokoh untuk ditemubual dimana beliau merupakan seorang penggiat seni yang telah lama berkecimpung dalam bidang Seni dan Warisan iaitu lakonan.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan dengan Y.M Tengku Sarina Bt Y.M Tengku Mohd Muzani atau lebih dikenali sebagai Kuna Muzani. Beliau yang merupakan seorang pelakon, penyanyi dan usahawan. Wawancara ini adalah mengenai latar belakang, pengalaman dan sumbangan beliau sebagai salah seorang anak seni dalam bidang lakonan. Wawancara ini dijalankan secara bersemuka pada 25 November 2021 jam 3.00 p.m. Wawancara ini dikendalikan oleh Nurul Izzah Binti Rosli dan dibantu oleh Nurul Atiqah Binti Mohd Azhari. Dengan segala hormatnya, kita mulakan rakaman ini.

Petunjuk :

NI – NURUL IZZAH

KM – KUNA MUZANI

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NI : Assalamualaikum Puan Kuna. Pada hari ini saya ingin menemubual puan mengenai beberapa soalan yang berkait rapat dengan kerjaya puan iaitu penggiat seni. Temubual ini adalah bertujuan untuk melengkapkan salah satu tugas kerja kursus saya pada semester ini iaitu bagi subjek IMR 604 (Sejarah Lisan). Sebelum itu, boleh puan kongsi sedikit sebanyak mengenai latar belakang puan?

KM : Nak bagitau [Hendak beritahu] nama ke?.(ketawa)-- Nama saya Tengku Sarina Binti Tengku Mohd Muzani. Umur saya sekarang *empat puluh sembilan* [49] tahun. Saya ada *tiga* [3] orang anak. Anak pertama saya Nik Muhammad Hakimi

Bin Rizalman, anak kedua Nik Muhammad Haikhal Bin Rizalman dan anak ketiga saya Tengku Puteri Nur Ellisa Binti Tengku Alam. *And then* [Dan kemudian] saya seorang pelakon, pelakon ye [ya] (ketawa). Okey, nak cakap ape [apa] ye [ya]. Saya macam manusia biasa jugak [juga] lah, takde ape [tiada apa] yang luar biasa. Saya seorang ibu kepada *tiga* [3] orang anak, *dua* [2] daripada anak saya dah habis [sudah tamat] belajar sorang [seorang] yang anak sulung tu [itu] yang bekas pelajar UIA [Universiti Islam Antarabangsa] dan anak kedua sedang menuntut di UIA [Universiti Islam Antarabangsa] lagi dalam bidang psikologi, anak ketiga ni [ini] tengah ambik [sedang mengambil] akan menduduki peperiksaan SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Saya sebagai ibu, saya memang amat tegaslah dari segi pergaulan, agama, dan jugak [juga] pelajaran. Walaupun saya sibuk dengan jadual harian saya sebagai artis, saya tetap utamakan pelajaran anak-anak saya lah dimana saya akan pastikan diorang [mereka] apa belajar ikut waktu tertentu lah, dan saya akan hantar anak saya pergi tuisyen, ada *personal* [peribadi] tuisyen jugak [juga] untuk anak perempuan saya tu [itu]. Insha Allah, mudah-mudahan dia berjaya dalam SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] nanti dan boleh masuk universiti seperti adik-adik kita ni [ini]. Sebagai ibu, *of course* lah [sudah tentu] saya nak [hendak] anak saya jadi orang yang berjaya dalam hidup dunia dan akhirat. Saya takde lah [tidak] menggalak diorang [mereka] menjadi artis seperti saya terpulang pada mereka, bila dah habis [tamat belajar] belajar tu [itu] terpulanglah diorang nak [mereka hendak] meneruskan kerjaya apa pun. Saya takkan [tidak akan] menghalang sebab bagi saya nak buat sesuatu kerja tu [itu] kita mesti suka dengan

apa yang kita buat, baru lah kita bersungguh-sungguh. Jangan kita buat sesuatu kerja tu [itu] kerana terpaksa atau pun kerana mak bapak [ibu ayah] kita suruh, kerana cita-cita mak bapak [ibu ayah] kita yang tak tercapai, kita tolong capaikan. Jadi, tak boleh [tidak boleh] macam tu [itu] sebab kerja macam tu [itu] akan jadi sekerat jalan jelah. Alhamdulillah, sekarang rezeki untuk rakan-rakan artis bertambah setelah selesainya, boleh dikatakan hampir endemik kita ni [ini] kan. Semua artis tengah [sedang] sibuk *shooting* [berlakon], saya pun sibuk tapi [tetapi] alhamdulillah ada masa untuk memenuhi *interview* ni [temubual ini]. Saya nak [hendak] cakap apa lagi, saya pun tak tau [tidak tahu]. You [Awak] tanyalah saya senang.

NI : Okay, bilakah puan dilahirkan dan dimanakah puan dilahirkan?

KM : Saya dilahirkan 14 Julai 1972 di Hospital Kota Bharu, Kelantan. Saya dilahirkan tak silap [tidak salah] saya, mak sedara [ibu saudara] saya cakap waktu nak [hendak] masuk Subuh ke macam tulah [itulah] *tujuh setengah* [7.30] selepas Subuh. Saya daripada keluarga yang sederhana. Mak saya [Ibu saya] nama dia Sharifah Aminah Binti Syed Abdullah, ayah saya Tengku Mohd Muzani Bin Tengku Muhammad, atuk saya [datuk saya] nak tau jugak ke atuk? [hendak tahu juga ke datuk] (ketawa). [NI mencelah]. Okey, atuk saya [datuk saya] Tengku Muhammad Binti Sultan Muhammad Ke Empat [IV], binti pulak [pula] bin Sultan Muhammad Ke Empat [IV], nenek saya Sharifah Zainab, belah mak pulak [sebelah ibu pula] Nik Som dan atuk saya belah mak pulak [datuk saya sebelah ibu pula]

Syed Abdullah.

NI : Jadi difahamkan puan lahir di Hospital Kota Bharu, Kelantan, jadi dibesarkan di Kelantan juge [juga] ke?

KM : Saya besar kat [dibesarkan di] Kelantan sampai [sehingga] Darjah *satu* [1] -- Darjah *tiga* [3] sebabkan ayah saya ni [ini] kerja dengan kerajaan, dia kerja bahagian Insolvensi, *so* [jadi] kita banyak *travel* lah [selalu merantau]. Selepas saya habis belajar kat [tamat belajar di] Kelantan Darjah *tiga* [3], sambung Darjah *empat* [4] sampai *Form one* [sehingga Tingkatan 1] ke Kota Kinabalu, Sabah. Dan sekolah saya dekat [di] sana nama *Saint Anne's* [*St. Anne's*] sekolah rendah dan sekolah menengah saya nama *All Saints'*. Banyak kenangan indah, saya pun ada kawan-kawan dekat [di] Sabah yang sekolah rendah. Alhamdulillah, sebab kita ada *Facebook* sekarang, kita masih lagi berhubung. Pastu [Selepas itu], sekolah *All Saints'* tu [itu], pengalaman saya dapat main kriket. (ketawa) Kat sini takde kriket [Di sini tiada kriket], dia hanya untuk lelaki tapi kat sana [tetapi di sana] pompuan [perempuan] pun boleh main kriket. Saya suka main kriket tu [itu] best sampai hitam lah, sampai ayah saya cakap, "Dah jangan main lagi dah hitam"--. Okay, apa lagi you nak tau [awak hendak tahu].

NI : Jadi berapakah bilangan adik-beradik puan?

KM : Adik-beradik saya ada *enam* [6] orang. *Satu*, adik *kedua* saya Tengku Sariza, *ketiga* Tengku Sariman, Tengku Sariwani, Tengku Sazali, Tengku Sherry Azween

dari mak [ibu] yang sama, ayah yang sama cuma ada adik-beradik lagi *empat* [4] orang daripada mak [ibu] lain cuma saya hanya tau [tahu] nama panggilan je [sahaja] Faiz, Ery, Fatin dengan Kuriz. Nama penuh saya tak [tidak] ingat. Tapi [Tetapi] hubungan kitaorang [kami] baik lah, takde [tiada] masalah.

NI : Jadi apakah hobi puan pada waktu lapang?

KM : Hobi? Hobi saya, saya suka baca buku, -- kitab-kitab ni [ini]. Lepastu [Selepas itu], saya suka – *nature* [alam semula jadi], saya suka pergi *hiking* [mendaki], saya suka benda-benda macam tu [itu]. Lepastu [Selepas itu], saya suka, apa tu [itu] sukan air. Saya suka jugak [juga] main badminton. Saya suka jugak [juga] kadang-kadang keluar dengan anak-anak. Saya banyak *spend time* [meluangkan masa] dengan anak-anak lah, dengan kawan baik, suka lepak, bukan hobi lah lepak tu [itu] kan. (ketawa) Semua orang suka lepak. Hobi saya tulah [itulah], saya suka duduk rumah *actually* [sebenarnya]. Dan saya suka ambik tau [ambil tahu] benda yang baru saya belajar. Hobi saya baca buku lah, saya suka baca. Tak kiralah [Tidak kisah] buku apa yang boleh memberi manfaat pada saya, buku tentang petua lama-lama, saya suka baca.

NI: Bilakah puan berkeluarga?

KM: Saya berkeluarga masa tu [semasa itu] umur saya *dua puluh tiga* [23] tahun saya kahwin. Nak kena bagitau ke nama *ex-husband*? [Hendak beritahu ke nama bekas suami]. Bekas suami saya pertama saya Rizalman bin Mokhtar dan suami kedua

saya Tengku Alam. Saya kahwin dengan masa tu [semasa itu] umur saya *dua puluh tiga* [23] tahun, *dua puluh empat* [24] saya dah dapat anak pertama lah. Saya lebih, saya tak [tidak] suka cerita benda yang sedih-sedih. *I* [Saya dah bercerai] *and then I* [dan kemudian saya] berkahwin, *After five years* [Selepas 5 tahun], *I* [saya] bercerai pastu *after two or three years* [selepas itu, selepas 2 atau 3 tahun] macam tu [itu], *I* [saya] kahwin balik [lagi]. Cuma yang kahwin balik [lagi] tak [tidak] ingat tahun berapa. Sebab benda ni [ini] dah [sudah] lama kan, *so* [jadi] dapat anak pompuan [perempuan].

NI : Jadi, adakah anak-anak puan pun turut meminati bidang lakonan sama macam puan?

KM : Anak pertama saya tu [itu] dia ada lah buat teater masa dia belajar dulu tapi [tetapi] dia takdelah [tiada] sampai [sehingga] cenderung jadi pelakon, minat macam tu je [seperti itu sahaja]. Diorang [mereka] tah [entah], tak [tidak] minat kot [mungkin]. Diorang [mereka] suka seni tapi diorang [mereka] tidaklah sampai [sehingga] nak menonjolkan diri sebagai artis, setakat nilah [ini], setakat hari ini, tak tau lah [tidak tahu] masa akan datang. (ketawa)

NI : Jadi, siapakah idola bagi puan dalam dunia lakonan?

KM : Idola saya? (berfikir). Saya suka ibu Fauziah Nawawi, lakonan dia betul-betul ikhlas. Saya jugak [juga] suka--. Sape ni [siapa ini] pelakon Kelantan. (berfikir) Wan Hanafi Su. Saya suka lakonan dia. *Dua* [2] tu jelah [itu sahaja] setakat hari ini

yang saya suka sebab lakonan [mereka] tu [mereka itu] memang bagus. Takde [tiada] lagi lah pelakon yang boleh challenge [cabar] lakonan dia. Masa [semasa] saya muda-muda dulu, saya suka tengok lakonan Ogy Ahmad Daud, Erma Fatima tapi [tetapi] bila kita dah [sudah] makin meningkat, makin berilmu, saya lebih suka kepada lakonan--. Ini saya lah, orang lain saya tak tau [tidak tahu] tapi [tetapi] saya masih peminat [mereka] [mereka] kalau [mereka] [jika mereka] berlakon pun saya tetap menjadi *satu* [1], salah seorang penonton yang akan melihat lakonan [mereka] lah [mereka]. Bagi saya, [mereka] [mereka] adalah guru saya lah. Itulah [Itulah] idola saya.

NI : (berdehem) Saya difahamkan puan dibesarkan di Kelantan--.

KM : Tak jugak [tidak juga] sampai [sehingga] Darjah *Tiga* [3].-- (NI cuba mencelah)

Okey okey. Saya sampai *Form Five* [sehingga Tingkatan 5] belajar. Lepastu [selepas itu] saya continue [sambung] *Diploma in Marketing*. Pastu [selepas itu] saya ada ambik [ambil] *Master Class* dengan--. Tak [tidak] ingat saya nama apa tapi [tetapi] dengan FINAS lah [Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia]. Tu jelah [Itu sahajalah] yang saya boleh kata [cakap] yang selebihnya saya banyak belajar daripada praktikal masa dekat set [semasa di set penggambaran]. Maknanya macam Aziz M. Osman, Zulkifli M. Osman, U-Wei Haji Shaari, Azmi Ebi--. Banyak ni [ini] *director* [pengarah] tak [tidak] ingat ni [ini]. (ketawa)--. Banyak saya belajar dari Aziz dan Zul lah, Aziz M. Osman dengan Zulkifli M. Osman. Kalau sape [Jika siapa] masuk set dia tu [itu] lepas keluar tu [itu] boleh

jadi pelakon yang baik lah. Sebab seorang pelakon tidak boleh ada tekanan taw [tahu] bila dia berlakon dan tidak boleh ada gangguan luar. Maknanya, gangguan *personal* [peribadi] ke ape [apa], tak [tidak] boleh sebab bila ada gangguan *personal* [peribadi], dia akan keluar dekat [pada] kita punya air muka. Jadi, bila [apabila] saya belajar dengan Zul, belajar dengan Aziz, [mereka] takde bagi [mereka tidak memberi] tekanan tapi [tetapi] [mereka] [mereka] mengajar saya dengan penuh kasih sayang. Maknanya, kita tidak ada rasa takut untuk bertanya, tidak ada rasa risau, tidak ada rasa macam [seperti], “*kang aku tanya kang kena marah*” [jika saya tanya saya kena marah], takde macam tu [tidak seperti itu] sebab guru yang baik, anak murid dia takkan [tidak akan] rasa takut untuk bertanya. Kalau *you* [Jika awak] terlampau garang sangat pun, tak [tidak] bagus sebenarnya. Murid-murid tu [itu] akan berpura-pura je depan [sahaja hadapan] you [awak] tapi [tetapi] *satu* [1] apa pun *you* [awak] tak [tidak] dapat.

NI : Jadi, tadi puan ada bagi tau [beritahu] puan ada ambil diploma. Dimanakah pengajian--. tempat pengajian?

KM : Kat [di] *RIMA College* [*RIMA International College, Puchong Selangor*]. Sekolah saya, sekolah menengah saya kat [di] Aminuddin Baki [SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur] kat [di] Kampung Pandan ni [ini] sampai *Form Five* [sehingga Tingkatan 5].

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: KERJAYA

NI : Selepas tamat pengajian, apakah bidang pekerjaan yang mula-mula puan ceburi?

KM : Okey. (berfikir), semasa saya habis [tamat] *Form Five* tu [Tingkatan 5 itu], saya ada *satu* [1] production house, nama dia, Umi Production. (berfikir) family production lah. *So* [Jadi] kita, menguruskan Umi Production tu [itu], sampai lah menjadi sebuah syarikat yang *one of the top ten* [salah *satu* daripada *sepuluh* teratas] syarikat yang ada kat [di] Malaysia ni [ini] lah. Pada waktu itu. Jadi saya bekerja sebagai pelakon dan jugak [juga] sebagai *executive producer* [penerbit eksekutif]. Jadi *executive producer* ni [penerbit eksekutif ini] saya bertanggungjawab lah untuk menjaga semua hal, maknanya hal *directing* [mengarah], hal bajet, hal artis, semua lah yang berkaitan dengan *production* [produksi]. Saya kene [perlu] jaga, saya kene [perlu] jaga duit lah, akaun.

NI : Berapa lamakah puan bekerja dalam bidang tersebut?

KM : Lama jugak [juga], (berfikir) sebab kita bekerja sambil berlakon. *Almost ten years* jugak [Hampir 10 tahun juga] lah bahagian belakang tabir ni, tapi saya *still* jugak [masih juga] berlakon cuma menguruskan syarikat sendiri. Itu je [Itu sahaja]. Pastu kita *stop* [berhenti] sebab ada *recession* [kemelesetan] pada tahun 1998 macam tu [seperti itu] lah, 97 kita ada *big recession* [kemelesetan besar]. *So* [Jadi] saya *stop* [berhenti] lah *production* [produksi] sebab stesen tv tak [stesen television tidak] mampu nak-- apa, terima (berfikir), produk kami. *So* [Jadi] kita *stop* [berhenti] lah

sampai [sehingga] sekarang.

NI : Jadi, kenapa puan memilih pekerjaan itu?

KM : (senyum) Saya rasa pekerjaan itu dekat dengan hati saya lah. Sebab pengalaman saya sebagai pelakon, pastu [selepas itu] saya ada kenalan *director-director* [pengarah-pengarah] yang bagus, saya kenal siapa yang boleh buat kerja, sapa *scripwriter* [siapa penulis skrip] yang bagus. Jadi kita nak buat sesuatu tu [itu] kita kena tau [perlu tahu] daripada akar umbi lah. Kan? Kalau [Jika] kita hanya tahu atas dasar nanti senang orang nak [hendak] tipu, sebab *production* ni [produksi ini] duit dia macam air. Setiap hari air keluar-- setiap hari duit tu akan keluar, *cash* [tunai]. Bukan setakat *cash money* [duit tunai], pastu [selepas itu] kita, harga-harga pekerja kita kene [perlu] tahu lah sebab kita jaga akaun kan.

NI : Menurut sumber internet, puan telah lama berkecimpung dalam bidang lakonan. Bolehkah puan mengulas dengan lebih lanjut mengenai bidang tersebut? Apakah keunikan dan keistimewaan bagi puan dalam bidang lakonan ini?

KM : Unik tu, seni memanglah unik kan. Sebab seni ni [ini] dia halus. (berfikir) seni ni [ini] berkaitan dengan jiwa dan rasa. Sebab, kita merasai pada jiwa orang lain. Maksudnya kita boleh faham keadaan orang lain itu, sekarang ni [ini] kita membawak [membawa] watak tersebut kan. Tak [Tidak] semua orang boleh jadi pelakon, yang baik, yang bagus. Yang memahami apa itu karakter, memahami

kehendak skrip dan jugak [juga] karakter itu. Kalau [Jika] orang cakap, berlakon itu senang, saya nak [hendak] suruh dia tunjuk senang macam mana [bagaimana]. Kan? Sebab bukan senang nak [hendak] jadi pelakon ni [ini]. Susah. Kalau [Jika] kita tidak ada ilmu, kita tidak berusaha, kita tidak (berfikir) taknak [tidak mahu] bersusah payah. Jadi, susah sikit [sedikit] lah untuk mencapai kejayaan sampai ke hari ini. Sebab kita nak [hendak] popular senang, tapi untuk kekalkan populariti tu bukan mudah. *It's a very hard work* [Ia satu kerja yang sangat sukar]. Selama saya dah [sudah] berlakon, rasenye [rasanya] dalam *tiga puluh lima* [35] tahun ke *tiga puluh lapan* [38] tahun macam tu [seperti itu] lah. Banyak susah senang yang kita alami, tak [tidak] semuanya indah, tak [tidak] semuanya manis. Ada jugak [juga] yang pahit, ye. Dalam proses saya menjadi pelakon, saya pun pernah jugak [juga] kene tipu dengan orang, semua tu [itu]. Itu adalah (berfikir), proses perjalanan, kerjaya seseorang lah. Ada jugak [juga] dapat bayaran murah, yang tak [tidak] setimpal, tapi oleh kerana saya cintakan seni ni [ini], saya sabar saya tetap teruskan jugak [juga] cita-cita saya ni [ini]. Walaupun dah anak tiga [3] (ketawa). Kan. Nak [Hendak] jadi pelakon, nak [hendak] jadi anak seni kene [perlu] sabar sebab proses penilaian orang untuk terima kita bukan sekejap, mengambil masa yang lama. Kalau [Jika] ada *offer* [tawaran] mana-mana murah pun ambik dulu [ambil dahulu], cari nama. *Build up your name* [Bina nama anda]. Bila dah [Apabila sudah] ada nama, boleh lah *you start* nak [awak mula hendak] letak harga. Itu pada saya lah, pada orang lain saya taktau [tidak tahu] lah. Tapi kadang-kadang, kita jangan hanya mengambil, tapi kita harus juga memberi kadang-

kadang. Tengoklah pada tempat yang sesuai, di mana kita hendak beri tu [itu].

NI : Seterusnya, ini berkait rapat dengan penglibatan puan dalam bidang lakonan. Bagaimana puan boleh menceburi bidang ini ataupun siapa yang mendorong puan untuk menceburi dalam bidang lakonan ini?

KM : (ketawa) Okay, masa saya berada di Sabah, RTM [Radio Televisyen Malaysia] ada buat [mengadakan] uji bakat. *So* [Jadi], ayah saya ni [ini] kenal salah seorang daripada *director* kat [pengarah di] dalam RTM tu [Radio Televisyen Malaysia itu], diorang cakap [mereka beritahu] ada uji bakat, *try* [cuba] lah bawa anak *you* [awak]. *So* [Jadi] saya pergilah, dengan adik saya, Kuza. *So* [Jadi] kita buatlah uji bakat. *So* [Jadi] bila dalam uji bakat tu [itu] kita berjaya, kita pergi pulak [pula] kursus. *So* [Jadi] memang Darjah Enam [6] masa tu tak [itu tidak] silap saya, Darjah Enam [6] kita pergi kursus dengan orang yang lebih dewasa daripada kita. Kursus untuk jadi penyampai radio, untuk jadi penyampai semua tu [itu] lah yang berkaitan dengan *broadcasting* [penyiaran] ye. *So* [Jadi] sampai di situ kita dah ada sijil, *so* [jadi] bila balik pulak [pula] ayah saya kena *transfer* [pindah] ke Kuantan. Duduk setahun [Tinggal 1 tahun] lebih macam tu [seperti itu], A.R. Badul nak [hendak] buat filem. *So* [Jadi], (berdehem) *director* [pengarah] Yusoff Mohamed ni [ini] kenalkan A.R. Badul ni [ini] kepada mak dengan ayah saya. Diorang [Mereka] datang sampai ke Kuantan, (berfikir) melamar untuk saya dengan Kuza berlakon dalam filem pertama, filem pertama saya lah dengan Kuza, ‘Oh Fatimah’. *So* [Jadi] bila dia jumpa kitorang, dia suka lah dia berkenan. *So*

[Jadi] kita pun berlakon lah dalam filem tersebut. Jangan tanya watak apa, nama apa, tak [tidak] ingat. (ketawa) *You should search* kat Google ada kot [Awak perlu cari di Google mungkin ada]. Lepastu [Selepas] daripada situ, dalam masa saya berlakon filem tu [itu], saya *dioffer* [ditawar] pula dengan RTM [Radio Televisyen Malaysia], Drama Minggu Ini, inhouse, tajuk die [tajuknya] 'Hitam Putih'. Saya berlakon dengan Syukri Hashim, saya jadi adik dia lah yang cacat pada waktu itu. Masa tu [Semasa itu], kita *shooting* [berlakon] dalam studio, itu adalah drama terakhir yang RTM [Radio Televisyen Malaysia] keluarkan dalam studio. Selepas itu, bermula lah kerjaya saya sambil saya belajar, saya berlakon. Cuma pada tahun saya ambil SPM je [Sijil Pelajaran Malaysia sahaja] saya *stop* [berhenti] berlakon *for one year* [untuk 1 tahun], untuk tumpukan pada pelajaran. Sebab ibu bapa saya ni [ini] memang *strict* [tegas] lah, diorang [mereka] memang pentingkan pelajaran. Apa-apa, belajar dulu, dah habis, okay. *So* [Jadi], habis SPM [tamat Sijil Pelajaran Malaysia], dah dapat *result then* [keputusan kemudian] kita aktif. Bila aktif tu [itu], syarikat saya keluarkan cerita, banyaklah kitorang [kami] keluarkan salah satu daripadanya 'Ema Elina', saya berlakon dengan kak Kuza. 'Maaf Kami Tak Sengaja', 'Taktik', 'Anak', 'Mama', banyak lagi lah yang akak tak [tidak] ingat kan. [NI mencelah] Haah tak [Ya tidak] terkira. *So* [Jadi], untuk-- yang sekarang ni [ini] kita banyak dapat *offer* [tawaran] untuk watak ibu lah takkan [tidak akan] heroin pulak [pula] (ketawa). Heroin tu [itu] hilang akal, manalah tahu suatu hari nanti ada watak pulak [pula] heroin, orang tua pula berlakon yek [ya]. Anak *support* [sokong]. *So* [Jadi], sekarang ni [ini] saya banyak bawa watak ibu. Jadi

watak ibu tu [itu] sebenarnya bukanlah, jangan pandang ringan pada watak ibu sebab watak ibu ni [ini] pelbagai jenis watak. Ada ibu yang garang, ada ibu yang mulut becok, ada ibu yang jahat. Macam-macam [Pelbagai] watak saya bawa, memang jadi pelakon ni [ini] seronok sebab kita boleh mempelajari watak-watak orang lain. “Esok aku jadi *lawyer* [peguam], lusa aku jadi doktor, jadi jadi pemintak [peminta] sedekah, jadi orang gila”. So [Jadi], macam-macam benda [pelbagai perkara] yang kita alami. Boleh dikatakan pelakon ni [ini] lebih memahami lah kehendak sesuatu keadaan itu. Pastu [Selepas itu] jadi pelakon ni [ini] kita kena ada [perlu mempunyai] hubungan baik sesama pelakon, sesama wartawan, sesama rakan sekerja dan juga *producer* [penerbit] dan *tv station* [stesen televisyen] lah.

NI : Jadi, apakah lakonan puan yang paling berkesan di hati dan kenapa?

KM : Jeng jeng jeng, lakonan saya waktu muda Ema Elina, saya rasa citer tu [cerita itu] sebab dia ada *romantic story* [cerita romantik], *adventure* [pengembaraan] dan kelakar. *Rating* [Penilaian] dia, saya berlakon citer tu [cerita itu] dengan Kuza lah, adik saya. *Rating* [Penilaian] dia sampai *tiga jute* [sehingga 3 juta] ya. Masa tu [Semasa itu] dia sampai kuar *paper* [sehingga keluar akhbar], kalau [jika] boleh *search* [cari] lagi, kalau [jika] ada lagi kan, boleh lah baca. Lepastu [Selepas itu], lakonan saya dalam cerita ‘Nur’, lakonan saya dalam cerita ‘Nasi Kerabu untuk Che Abe’, lakonan saya dalam cerita ‘Bila Hati Berbisik’, untuk dalam cerita Nasi Kerabu Che Abe tu [itu] saya bawa watak perempuan Kelantan yang meniaga,

yang tegas, yang banyak dugaan hidup. Dalam watak tu [itu] dia takdelah [tidak adalah] berat tapi macam *light comedy* [tetapi seperti komedi ringan], kena [perlu] bercakap dalam bahasa Kelantan lah. Citer tu [Cerita itu] pun meletop, *and then* [dan kemudian] saya bawa cerita 'Nur', "tengok tak cerita Nur? Tengok ke?" (ketawa). Saya ada dalam Nur *satu* [1], bawa watak Datin Orkid di mana watak antagonis. Banyaklah kena kutuk [dikutuk] bulan puasa tu [itu], banyak pahala akak dapat. (ketawa) Lepas citer [Selepas cerita] 'Nur', 'Bila Hati Berbisik'. 'Bila Hati Berbisik' ni [ini] memang saya kena maki je [sahaja] lah. Serupa jugak [Sama juga] dengan citer [cerita] 'Nur' sebab 'Hati Berbisik' ni [ini] watak dia seorang ibu yang *control* [kawal] anak lelaki dia, dari segi berkahwin, segala segi lah dia *control* sampai [kawal sehingga] orang naik meluat meludah [tidak suka] rasanya. (ketawa) Pastu [Selepas itu], citer [cerita] apa lagi (berfikir) banyak cerita ni [ini] tak ingat ni [tidak ingat ini]. (berfikir) Saya ni [ini] masalahnya, bila saya dah habis *shooting* [Apabila saya tamat penggambaran, saya dah lupa dah [saya sduah lupa]. Peminat yang akan datang ingatkan [mengingatkan] saya balik [semula]. Jadi, tugas seorang pelakon bukan senanglah maknanya bila *you* [awak] dapat skrip tu *you* kena [itu awak perlu kena baca, bukan setakat baca dialog u sahaja, tapi kena] baca keseluruhan cerita tu [itu]. Katalah kalau [jika] ada tiga puluh [30] episod tu, tiga-tiga puluh episod tu *you* kena [itu awak perlu] baca tanpa *miss* [terlepas] *satu* [1] *page* [muka surat] pun. *So* [Jadi], bila *you* dah [awak sudah] baca *you* kena [awak perlu] faham jalan cerita tu macam mana macam mana [itu bagaimana--]. *And then* [Dan kemudian] barulah hari kedua pula, hari setelah

selesai tu [itu], barulah kita baca karakter kita. Macam mana [Bagaimana] kita nak [hendak] warna karakter kita, “katalah watak itu watak Sofia, seorang yang busuk hati lah”. Ramai dah watak busuk hati tu kat tv [televisyen] kan. Tapi cara *you* [awak], macam mana *you* nak buat [bagaimana awak hendak lakukan] supaya cerita tu [itu] menarik dan seorang pelakon jugak kena [juga perlu] bijak dan kena [perlu] banyak ilmu dan kena [perlu] ada banyak pengalaman dan kena [perlu] ada banyak *knowledge* [pengetahuan] lah. Sebab seorang pelakon tu [itu], kalau [jika] dia banyak pengalaman, lagi banyak yang dia boleh buat [lakukan] pada watak tersebut. Itu yang *interesting* tu [menarik itu]. (berfikir) Selalu lah, macam *you* tak [seperti awak tidak] faham sesuatu kita tanya pada *director* [pengarah] sebab kadang-kadang apa yang ada dalam kepala otak *director* tu [pemikiran pengarah itu] kita pun tak nampak [tidak lihat]. Kalau [Jika] dia tak [tidak] jelaskan, jadi kena [perlu] selalu-- bertanya, pastu kalau [selepas itu jika] lah kita ada *partner* [pasangan] kita, suami kita dalam watak tu [itu], anak kita. Kita bincang, *scene* ni nak buat macam mana [adegan ini hendak dibuat bagaimana]. Supaya orang tak [tidak] bosan dengan drama kita, jadi orang akan tengok setiap *scene* [adegan] yang kita ada, orang akan tengok. Itu yang penting.

NI : Kebiasaannya, berapa lama masa yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu lakonan?

KM : Oh *shooting* [penggambaran]? *Shooting schedule* [Jadual penggambaran]. Dia kalau [jika] drama episod ni [ini] keseluruhan ye [ya], keseluruhannya dalam tiga

[3] bulan. Tapi kalau macam *my character* [Tetapi jika seperti karakter saya], selalunya macam haritu [seperti hari itu], sebulan. *Depends* [Bergantung] lah kalau macam [jika seperti] drama tu [itu] banyak *scene you* [adegan awak], lama lah sikit [sedikit]. Haa macam tu. [Ya, seperti itu]

NI : Cabaran yang paling besar setakat dalam bidang lakonan ini?

KM : (senyum) Cabaran dia? Cabaran dia setakat harini lah kitorang ni [kami ini] pelakon lama ni, *facing with newcomers* [berhadapan dengan pendatang baru]. (berfikir) Di mana langsung *zero knowledge about acting* [pengetahuan yang kosong tentang lakonan], *just* [Cuma] masuk sebab dia instafamous, okay instafamous, *I* [Saya] suka ramai *newcomers* [pendatang baru], Cuma berharap sangat lah yang *newcomers* ni [bahawa pendatang baru ini] pergilah belajar sebab selalunya bila *producer* [penerbit] ambik diorang ni [ambil mereka ini], skrip diorang tu [mereka itu] dapat awal daripada kitorang [kami]. *So* [Jadi] pergilah cari ilmu, sebab bila *newcomers* tu [pendatang baru itu] datang dengan tidak ada ilmu, dia akan mencatatkan keseluruhan *scene* [adegan]. Maknanya orang lain dah beriya-iya *you* taktau [awak tidak tahu] ke mana, *you* tak [awak tidak] faham apa yang *you* buat [awak lakukan]. Jadi itu akan dibuat berulang-ulang, jadi penatlah kitorang [kami], kitorang dah [kami sudah] tua. *You* [Awak] masih umur mentah lagi kan. Ulang--, penat. Jadi untuk menyenangkan semua orang, buatlah homework, pergilah kelas. Banyak kelas sekarang.

NI : Jadi siapakah yang banyak menyokong puan dalam karier lakonan?

KM : Anak-anak saya, ibu bapa saya, adik-beradik dan sahabat-sahabat baik lah.

NI : Dalam bidang lakonan, puan suka membawa watak seperti apa dan mengapa?

KM : (senyum) Saya ni [ini] berlakon, saya tak [tidak] pernah pilih watak. Bagi saya setiap watak tu [itu] semuanya (berfikir) memerlukan cabaran. Cabaran bagi saya, sebab kalau [jika] dapat watak paling *best* [menarik], kalau [jika] yang saya nak [hendak], nak [hendak] watak pelacur tapi tak [tidak] pernah dapat. Tapi tak [tidak] boleh dah [sudah] sebab kita pun dah bertudung, tak [tidak] sesuai kan. Tak [Tidak] pernah dapat watak pelacur, tapi [tetapi] nak-- buat tapi tak [tetapi tidak] pernah dapat. *So* [Jadi] sampai bila-bila lah tak [tidak] dapat sebab tak [tidak] boleh dah (ketawa). Itu jelah [sahajalah], bagi saya watak pelacur ni [ini] dia banyak cerita. Cerita dia banyak, yang kita boleh kupaskan. Watak yang paling saya suka watak komedi lah yang *very light* [sangat ringan], *and then* [dan kemudian] watak yang saya *more creativity* [lebih kreativiti], watak antagonis. Maknanya you [awak] bebas, you [awak] nak jadi [hendak menjadi] jahat yang macam mana [bagaimana].

NI : Jika diberi peluang, siapakah pelakon yang ingin puan pilih untuk digandingkan bersama?

KM : Siapa saya nak [hendak] berlakon? (berfikir) saya teringin nak [hendak] berlakon

dengan ibu Fauziah Nawi, saya pernah berlakon dengan dia supertele, ‘Mok Joh’.

Tapi [Tetapi] saya takde *scene* dengan [tiada adegan bersama] dia. Saya nak [hendak] berlakon dnegan Erma Fatima, dengan Ogy Ahmad Daud, (berfikir) dengan Sofea Jane, dengan Julia Rais, dengan siapa lagi ye [ya]. Itu semua kawan-kawan saya, kalau [jika] boleh saya nak [hendak] ada sekali dengan diorang [mereka] dalam *satu* [1] drama ataupun filem, dengan Sharifah Haslinda, ni [ini] geng-geng saya lah Jasmin Hamid, waktu muda-muda kita berlakon kan, bersama.

Tapi [Tetapi] yang saya paling teringin nak [hendak] berlakon dengan Fauziah Nawi lah.

NI : Okay, penglibatan puan dalam bidang lain. Seperti yang diketahui, selain terlibat dalam bidang lakonan, puan juga seorang usahawan.

KM : Oh, itu dululah. Kan saya *produce* [menghasilkan] drama. Setakat hari ni [ini] saya hanya bekas *producer* lah [penerbit] lepas tu [selepas itu] saya takde [tidak ada] buat *business* [perniagaan] apa-apa dah. Kalau saya buat *business* [perniagaan] pun suka-suka je, hangat-hangat tahi ayam lepas tu [selepas itu] *busy shooting* [sibuk berlakon] dah tak buat dah (ketawa).

NI : Selain bidang *producer* tu [penerbitan], puan ada macam berniaga apa-apa ke?

KM : Dulu saya ada bukak [buka] *internet cafe* [kafe internet] lepas tu [selepas itu] tak

[tidak] lama setahun [1], *dua* [2] tahun macam tulah [seperti itulah]. Saya tutup pun sebab berlaku krisis rumahtangga, jadi tak [tidak] boleh nak- nak tumpukan. So [jadi], saya tutup jelah.

NI : Selain terlibat dalam kedua-dua bidang tersebut, adakah puan terlibat juga dalam bidang nyanyian dan bolehkah puan berkongsi kepada kami tentang bidang itu?

KM : Nyanyian tu [itu] kita buat sebab ada istimewa ke apa tah [entah] hari tu [itu] untuk hari raya je. “Hai selamat hari raya” (menyanyi). Itu je. Kita nyanyi untuk hari raya je. Nak buat *record* tu [rakaman itu] rasanya bukan bidang saya lah. Saya tak [tidak] pandai nyanyi kalau karaoke tu [itu] boleh lah. Kalau nak jual *record* [rakaman]-- (NI mencelah). (menganggukkan kepala untuk ya) *More to* [lebih kepada] lakonan lah. Saya tak [tidak] pandai nyanyi, saya nyanyi ikut-- tu [itu] pun kadang-kadang anak saya marah “Umi ni tukar lirik” (ketawa). Tak [tidak] pandai nyanyi.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN DAN ANUGERAH

NI : Sepanjang terlibat dalam bidang lakonan, apakah pengalaman manis yang tak boleh dilupakan?

KM : --. Pengalaman manis saya, saya tercalon dalam Anugerah Skrin *lima* [5]--.
(berfikir) di antara pelakon pembantu terbaik lah. *Lima* [5] calon di antaranya. (NI mencelah). (menganggukkan kepala untuk ya) *Top Five* ya [5 Terbaik]. Tulah [itulah] pengalaman manis, Alhamdulillah lah tercalon juga [juga] (ketawa). Tapi tak [tetapi tidak] menang lah. Tapi [tetapi] Alhamdulillah lah. Waktu tu [itu] saya umur *sembilan belas* [19]- *dua puluh satu* [21] rasanya, *dua puluh satu* [21] tahun waktu tu [itu]. (NI mencelah)--. Alhamdulillah rezeki.

NI : Jadi, apakah pencapaian terbesar yang pernah dicapai sepanjang bergelar anak seni?

KM : Pencapaian terbesar yang pernah dicapai- setelah bergelar anak seni, drama rantaian ‘Nur’ menang nombor *satu* [1] kat [di] Malaysia. Saya naik *stage* [pentas], Alhamdulillah (ketawa). Walaupun saya tak [tidak] menang apa-apa *award* [anugerah] tapi [tetapi] drama saya menang *award* [anugerah]. Alhamdulillah, itu *satu* [1] kemenangan untuk kami jugak [juga] sebab kami buat *teamwork* [kerja berpasukan] kan. Itu jelah yang saya rasa pencapaian terbesar yang saya pernah alami selain daripada saya tercalon *Top Five* [5 Terbaik], tulah [itulah] drama rantaian ‘Nur’ tu [itu] dapat Anugerah Nombor *satu* [1] kat Malaysia. Alhamdulillah.

NI : Selain menerima anugerah dalam bidang lakonan, apakah penganugerahan lain tentang usahawan ke, perniagaan ke?

KM : Saya jadi mentor untuk usahawan TEKUN [Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga] *dua* [2] tahun lepas tak silap. Dua [2] tahun ke *tiga* [3] tahun lepas, mentor untuk usahawan TEKUN [Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga]. Waktu tu [itu] aktif berniaga lah jual biskut *cookies* semua tu [itu], sekarang terpaksa *stop* [berhenti], sekarang—terpaksa *stop* [berhenti] sebab kita pandemik kan waktu tu [itu] *so stop* [jadi berhenti] jelah. Kita akan sambung balik [semula] bila *time* waktu mengizinkan. Sekarang kena penuhkan waktu dengan *shooting* [berlakon] tu kan, tak [tidak] habis-habis lagi.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PANDANGAN DAN NASIHAT

NI : Sebagai seorang pelakon, apakah pandangan puan terhadap industri lakonan yang sekarang?

KM : Bagus, sebab banyak pekerjaan yang sedang berjalan. *So* [jadi], masa depan dia cerah. Jadi, kalau nak *get involved* [terlibat] dalam bidang lakonan ataupun belakang tabir buatlah bersungguh-sungguh. Kalau selalunya orang ni [ini] nilaikan kita daripada hasil kerja kita. Macam [seperti] lakonan dia nilaikan komitmen *you* [awak], disiplin *you* [awak] dan cara *you* [awak] berusaha. Maksudnya, *you* [awak] berusaha walaupun *you* [awak] pelakon baru *you* [awak] usaha carikan baju sendiri, *you* [awak] usaha warnakan watak itu, *you* [awak] usaha berjumpa dengan *director* [pengarah] untuk bertanya lebih ataupun usaha jumpa dengan *scriptwriter* [penulis skrip], *Whatsapp* ke apa kan. Pastu [selepas itu] *you* [awak] banyak *communicate* [berkomunikasi] dengan pelakon lama sebab diaorang ni [mereka ini] banyak pengalaman. Macam [seperti] Kak Kuna dulu banyak berlakon dengan pelakon lama dengan Hashim Mahyon, dengan Faizal Hussein, dengan Abdullah Chik, dengan Harun Salim Bachik, sape lagi [siapa lagi] (berfikir), Dharma Harun Al-Rashid, sape lagi [siapa lagi] (berfikir)--. Diaorang ni [mereka ini] orang-orang lama dengan Kak Ogy Ahmad Daud, dengan Eman Manan dengan Erma Fatima. Jadi, diaorang ni [mereka ini] orang lama, saya diaorang [mereka] punya *junior* lah. Jadi, diaorang [mereka] punya pengalaman, teknik lakonan diaorang [mereka] kan. Itu penting sebab kita nak dapat pengalaman diaorang ni [mereka ini] bukan senang. Kalau kita dapat berlakon

dengan diaorang [mereka] tu pun dah bersyukur, Alhamdulillah sebab kita ada peluang untuk bercakap dengan lebih dekat, jumpa, tanya kan. Kalau setakat nak *call* [panggilan telefon] nak jumpa memang takde [tiada] masanya, tak layannya [tidak dilayan], takde [tiada] masa.

NI : Pada pendapat puan, apakah perbezaan antara industri lakonan yang sekarang dengan yang dulu?

KM : Okey, industri dulu kita pilih bakat, kita bukan pilih *you* [awak] *instafamous* ke *you* [awak] *tiktok* ke *you* [awak], FB [*Facebook*] *famous* [popular] ke tak. Kita setiap skrip tu [itu] dia dah ada watak. Watak dia tu [itu], kita pilih berdasarkan kepada kemampuan pelakon itu untuk melakonkan watak itu. Kita bukan *just* [sahaja] “nak dia ni lah sebab dia cantik, sebab dia popular, takde”. Sekarang ni [ini] kita-- Dulu masa saya, masa zaman saya bukan senang untuk kita jadi *heroin* [pelakon utama wanita], bukan. Bukan senang untuk kita selalu keluar TV [televisyen] sebab waktu tu [itu] kalau *scriptwriter* tu [penulis skrip itu] berkehendak orang sekian-sekian, karakter sekian-sekian, itulah orangnya --. Takkan [tidak akan] ada unsur-unsur sebab ko [awak] cantik, ko [awak] *famous* [popular], ko [awak] tu, takde [tiada]. Dulu betul-betul kerana bakat, dipilih kerana bakat. Sekarang ni [ini] skrip nak yang macam ni-- [seperti ini], kita ambik orang ni [ambil orang ini] sebab dia popular, *followers* [pengikut/peminat] *dua* [2] juta, *lima* [5] juta, so [jadi] nanti *rating* [penilaian] naik. Dulu tak macam tu [tidak seperti itu], itulah perbezaan dia. Dan dulu, pelakon dulu diaorang [mereka] ada

ilmu, diaorang [mereka] pergi belajar, diaorang [mereka] takde [tiada] orang suruh pun pergi cari cikgu, guru tanya “macam mana nak buat karakter ni, macam mana cara nak warnakan karakter ni, macam mana kita nak berjalan karakter ni perlu jalan macam mana, senyum macam mana, pergerakan *body language* [bahasa badan] semua kita belajar. Tapi [tetapi] sekarang ada artis tu [itu] masuk dialog pun tak tau apa [tidak tahu], tak ingat, cerita pun tak tau apa [tidak tahu], dia tak faham, baju pun dia tak tau [tidak tahu] nak padankan dengan apa, karakter pun dia tak faham, dia kira nak cantik je pun. Susah sebab kita tak [tidak] pilih yang dah [sudah] masuk dalam industri ni [ini] bukan diaorang [mereka] cinta, betul-betul nak jadi yang terbaik. Maknanya, dia masuk ni [ini] kerana tak [tidak] sengaja, kerana *instafamous*, kerana nak cari *glamer* [popular]. Pada saya lah, itu perbezaan dulu dan sekarang.

NI : Apakah harapan dan nasihat puan untuk anak-anak muda yang telah menceburi dunia lakonan ataupun yang ingin mencuba?

KM : Yang telah dan yang ingin lah. Pergilah berguru, cari guru. Sebelum masuk set tu [itu] cari guru, belajar dulu takpe *you* [tidak mengapa awak] orang baru, *you* [awak] lupa dialog, itu perkara biasa. Tapi [tetapi] biarlah kita masuk set tu [itu] biar kita berilmu, kita tau [tahu]-- apa itu konti, kita tau [tahu] apa itu *makeup* [solek/berhias], kita tau [tahu] apa itu *wardrobe* [pakaian] kita yang kena pakai, kita tau [tahu] apa dialog kita. Yang penting berilmu, kita tau [tahu] karakter kita tu [itu] siapa, kita anak siapa, kita umur berapa, kita buat apa, kenapa cerita ni [ini]

berlaku, apakah yang cuba disampaikan oleh *scene* ini [adegan/babak], itu yang penting. Kena ada ilmu lah--.. Sebab *you* [awak] nak kerja, katalah *you* [awak] akauntan tiba-tiba diberi kerja sebagai *waiter* [pelayan], *you* [awak] kena belajar jugak [juga] macam mana cara nak jadi *waiter* [pelayan] sebab dah takde [tiada] kerja lain dah kosong, yang tu [itu] je yang kosong. *So* [jadi], *you* [awak] kena belajarlah macam mana aku [saya] nak jadi *waiter* [pelayan], cara *waiter* [pelayan] macam mana, kena ambik order ke [ambil pesanan], apa tulisan macam mana yang supaya orang lain semua faham apa yang aku sampai- nak *order* ni [pesanan ini]. *So* [jadi], kena belajarlah.

TAMAT BAHAGIAN 4

NI : Alhamdulillah, kita telah sampai ke penghujungnya. Jadi, disini kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada puan dan juga pihak puan kerana sudi meluangkan masa untuk sesi temubual ini. Dan kami bagi pihak UiTM juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada puan kerana sudi meluangkan masa dan rakaman ini akan dijadikan rujukan untuk pelajar UiTM nanti supaya mereka lebih menghargai sumbangan dan penglibatan puan khususnya dalam bidang lakonan dan keusahawanan...

RUJUKAN

Farhan Ikram. (2019, April 7). 'Nur' bersinar lagi, kali ini menang besar di DFKL 2019.

MStar. Dicapai dari <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2019/04/07/nur-menang-dfkl>

Kuna Muzani. *Wikipedia*. Dicapai dari https://ms.wikipedia.org/wiki/Kuna_Muzani

SEJARAH LISAN. (2007). Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dicapai dari <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html>

Siti Roudhah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan. (2012). PENUKILAN ILMU BAHARU MELALUI SEJARAH LISAN. *Jurnal PPM Vol. 6*,. http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Nurul Izzah dan Nurul Atiqah menemu bual Puan Kuna Muzani, yang dilahirkan pada 1972, di Kota Bharu, Kelantan. Temu bual ini dijalankan di restoran milik beliau di Ampang, Selangor, mengenai pengalaman serta perjalanan hidup beliau sebagai seorang anak seni bermula tahun 1990an di Malaysia.

MASA	SUBJEK	ISI PENTING
0.30	Latar Belakang Peribadi	<ul style="list-style-type: none">• Nama tokoh Y.M Tengku Sarina binti Y.M Tengku Mohd Muzani• Merupakan ahli kerabat diraja Kelantan• Nama panggilan Kuna Muzani• Anak sulung daripada enam beradik• Lahir pada 14 Julai 1972 di Kota Bharu, Kelantan• Berumur 49 tahun• Membesar di Kelantan sehingga Darjah 1 dan selebihnya di pelbagai tempat mengikut bapanya yang bekerja• Menetap di Kuala Lumpur• Mempunyai 3 orang anak• Nama ibu Sharifah Aminah binti Syed Abdullah

		<ul style="list-style-type: none"> • Nama bapa Y.M Tengku Mohd Muzani bin Tengku Muhammad
4.50	Latar Belakang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> • Sekolah rendah di Kelantan sehingga Darjah 1 • Darjah 3 sehingga Darjah 6 bersekolah di St. Anne's, Sabah • Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 bersekolah di Sekolah Menengah S.M. All Saints, Sabah • Tingkatan 5 bersekolah di SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur • Menyambung pengajian diploma dalam jurusan Marketing di RIMA College, Puchong Selangor • Pernah mengambil Master Class dengan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
13.45	Pengalaman Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Menguruskan sebuah production house iaitu Umi Production selepas tamat Tingkatan 5 • Bekerja sebagai pelakon dan penerbit eksekutif hampir 10 tahun pada ketika itu • Berhenti beroperasi pada 1998 sehingga kini atas sebab tertentu • Memilih pekerjaan itu kerana dekat dengan hati beliau dan sebab pengalaman sebagai pelakon
18.35	Penglibatan Tokoh dalam	<ul style="list-style-type: none"> • Menghadiri uji bakat Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Sabah semasa Darjah 6

	Bidang Lakonan	<ul style="list-style-type: none"> • Menghadiri kursus tentang penyiaran semasa Darjah 6 bersama orang dewasa lain • Dibawa uji bakat oleh ayahnya kepada pengarah RTM, Yusoff Mohamed • Dilamar oleh A.R. Badul untuk berlakon filem pertama beliau • Filem pertama bertajuk 'Oh Fatimah' • Ditawarkan oleh RTM untuk sebuah drama • Pernah memegang watak seorang yang cacat • Berhenti seketika untuk fokus kepada SPM • Kembali bergiat aktif selepas tamat peperiksaan • 3 bulan keseluruhan masa diperlukan bagi menghasilkan sebuah lakonan • Cabaran dalam lakonan ialah berhadapan dengan pelakon baru • Memilih ibu Fauziah Nawi dan Wan Hanafi Su sebagai idola dalam bidang lakonan
30.55	Penglibatan dalam Bidang Lain	<ul style="list-style-type: none"> • Merupakan bekas penerbit • Pernah mengoperasikan sebuah kafe internet • Membuat rakaman nyanyian untuk hari raya
32.50	Pencapaian	<ul style="list-style-type: none"> • Pernah tercalon senarai 5 terbaik dan teratas dalam Anugerah Skrin sebagai Pelakon

		<p>Pembantu Terbaik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memenangi anugerah untuk drama ‘Nur’ • Menjadi mentor untuk usahawan TEKUN (Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga) • Aktif berniaga biskut cookies pada waktu itu
34.49	Pendapat dan Harapan	<ul style="list-style-type: none"> • Bersungguh-sungguh ketika terlibat dalam bidang lakonan • Setiap lakonan dinilai dari segi komitmen, disiplin serta cara seseorang itu berusaha • Belajar dengan pelakon-pelakon lama atau veteran • Industri pilih bakat bukan populariti • Setiap watak diberi berdasarkan kemampuan seseorang itu • Pelakon dahulu lebih berilmu daripada yang ada sekarang • Setiap pelakon perlu bijak untuk warnakan watak mereka sendiri • Menasihatkan pelakon baru supaya berguru sebelum masuk penggambaran • Setiap orang kena ada ilmu masing-masing

DIARI KAJIAN

TARIKH / HARI	MASA / PLATFORM	TINDAKAN
12 Oktober 2021 Selasa	2.00 – 5.00 petang Telegram	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Nor Kamariah memberi penerangan tentang projek Sejarah Lisan kepada semua pelajar. Beliau memberi arahan untuk memilih pasangan masing-masing dan menyatakan tema projek iaitu “Seniman Veteran dan Seni Warisan”. • Beliau memaklumkan bahawa penggunaan bahasa bagi projek ini bergantung kepada percakapan tokoh yang dipilih sama ada menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. • Beliau memberitahu bahawa pemilihan tokoh akan diberi senarai kepada pelajar kemudian. • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah bersetuju untuk berganding bersama dalam menyiapkan projek yang telah diberi.
	7.49 malam Telegram	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai tokoh yang bersetuju untuk ditemu bual telah diberikan kepada pelajar. Semua pelajar berbincang sesama mereka untuk membuat pilihan.
	9.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Nor Kamariah memberi nota serta beberapa rujukan untuk projek

Sabtu	Google Classroom	tersebut. <ul style="list-style-type: none"> Nurul Izzah dan Nurul Atiqah berbincang serta memahami tentang konsep sejarah lisan yang sebenar.
01 November 2021	9.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> Skema kerja diberikan oleh Puan Nor Kamariah untuk rujukan pelajar. Kandungan projek iaitu dokumentasi untuk sejarah lisan, abstrak, proposal, persiapan awal, soalan temu bual, penulisan artikel, transkrip, medium dan peralatan rakaman, diari kajian serta transkrip lengkap diberikan dan pelajar diberi tarikh untuk menghantar setiap kandungan tersebut.
Isnin	Google Classroom	
02 November 2021	2.00 – 5.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> Taklimat lengkap diberikan oleh Puan Nor Kamariah kepada pelajar tentang proses-proses serta cara untuk menyiapkan projek daripada mula sehingga akhir. Sesi soal jawab diadakan. Nurul Izzah dan Nurul Atiqah berbincang untuk membuat pemilihan tokoh serta menghubungi tokoh melalui media sosial.
Selasa	Google Meet 3.00 petang WhatsApp	
07 November 2021	2.30 petang	<ul style="list-style-type: none"> Puan Nor Kamariah memberi penerangan kepada pelajar tentang cara menulis persiapan awal dengan lengkap.
Ahad	Telegram	

09 November 2021 Selasa	2.50 petang Telegram	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Nor Kamariah bertanyakan pelajar sekiranya mempunyai soalan untuk ditanya dan beliau memberi penerangan tentang abstrak, serta contoh bagi soalan temu bual.
11 November 2021 Khamis	10.00 pagi WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah bersetuju untuk memilih Puan Kuna Muzani sebagai tokoh untuk ditemu bual. • Puan Kuna Muzani dihubungi dan telah diberikan penerangan ringkas tentang projek yang akan dijalankan. Beliau bersetuju dan memberitahu bahawa ingin ditemu bual secara bersemuka nanti.
12 November 2021 Jumaat	10.00 pagi WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah berbincang tentang soalan yang ingin ditanya kemudian. Kerangka soalan dibuat. • Sebanyak 71 soalan berjaya dihasilkan.
16 November 2021 Selasa	2.00 – 5.00 petang Telegram	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Nor Kamariah memberi arahan kepada pelajar untuk menganalisis topik 6 pembelajaran kerana ianya sangat penting untuk projek.
18 November 2021 Khamis	11.38 pagi WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Kuna menghubungi Nurul Izzah dan memberitahu butiran lengkap untuk ditemu bual iaitu pada 24 November 2021 di Kuala Lumpur.

21 November 2021 Ahad	11.18 pagi Telegram	<ul style="list-style-type: none"> • Semua pelajar telah mengemaskini senarai akhir tokoh-tokoh yang ingin ditemubual.
	1.00 tengah hari	<ul style="list-style-type: none"> • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah berbincang tentang pergerakan serta persiapan untuk ke Kuala Lumpur bagi menemu bual Puan Kuna secara bersemuka. • Kami juga berbincang tentang penulisan abstrak, persiapan awal (preliminary preparation) serta proposal.
	4.00 petang WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Kuna menghubungi Nurul Izzah bahawa tarikh untuk ditemu bual ditunda kepada 25 November kerana beliau mahu menghabiskan sesi penggambaran drama terlebih dahulu. • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah bersetuju dengan penetapan tersebut.
	10.30 – 11.00 malam WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Kuna dihubungi kami untuk menanyakan tentang bidang yang diceburi beliau. • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah menyiapkan soalan yang hendak diberi kepada Puan Kuna. Kami juga menyiapkan penulisan abstrak, persiapan awal (preliminary preparation) serta proposal untuk dihantar kepada Puan Nor Kamariah.

22 November 2021	9.30 pagi	WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai soalan untuk ditemu bual telah diberikan kepada tokoh, iaitu Puan Kuna. • Kami bertanyakan Puan Kuna tentang tajuk pertama lakonan beliau.
	2.00 petang		<ul style="list-style-type: none"> • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah melakukan sentuhan akhir untuk penulisan abstrak, persiapan awal (preliminary preparation) serta proposal sebelum dihantar kepada Puan Nor Kamariah.
	10.30 – 11.59 malam	Google Classroom	<ul style="list-style-type: none"> • Penghantaran abstrak, persiapan awal (preliminary preparation) dan proposal.
24 November 2021	9.30 pagi	Terminal Bas Temerloh	<ul style="list-style-type: none"> • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah bergerak ke Kuala Lumpur untuk menemu bual Puan Kuna hari keesokannya.
Rabu			
25 November 2021	10.25 pagi	Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Kuna menghubungi untuk membuat pengesahan semula tentang perjumpaan pada hari tersebut.
	3.00 petang	Restoran T'mor Place	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi temu bual diadakan setelah ketibaan Puan Kuna ke restoran tersebut. • Sesi tersebut dijalankan dalam satu sesi sahaja atas permintaan tokoh kerana masa tidak mengizinkan. Temu bual dijalankan merangkumi semua soalan yang diberi kepada beliau.

26 November 2021 Jumaat	5.09 petang Telegram	<ul style="list-style-type: none"> Puan Nor Kamariah bertanyakan kepada pelajar tentang sesiapa yang belum mempunyai tokoh untuk ditemu bual.
28 November 2021 Ahad	12.17 tengah hari Telegram	<ul style="list-style-type: none"> Puan Nor Kamariah meminta kerjasama pelajar untuk mengisi maklumat yang diminta ke dalam Microsoft Excel.
02 Disember 2021 Khamis	1.09 tengah hari Telegram	<ul style="list-style-type: none"> Puan Nor Kamariah memberi beberapa contoh artikel untuk dijadikan bahan rujukan pelajar tentang projek sejarah lisan.
	2.00 petang WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> Senarai soalan temu bual yang diberikan kepada tokoh dikemaskini sebelum penghantaran dibuat.
	11.00 malam Google Classroom	<ul style="list-style-type: none"> Set soalan temu bual dihantar kepada Puan Nor Kamariah.
14 Disember 2021 Selasa	2.00 – 5.00 petang Telegram	<ul style="list-style-type: none"> Puan Nor Kamariah bertanyakan pelajar sekiranya mempunyai soalan untuk ditanya berkaitan projek sejarah lisan ini.
4 Januari 2022 Selasa	2.00 – 5.00 petang Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> Puan Nor Kamariah mengadakan sesi soal jawab kepada semua pelajar sekiranya ingin bertanya tentang projek. Beliau juga menerangkan tentang proses penghantaran transkrip lengkap pada 28/2/2022 ini. Kami bertanya tentang penulisan transkrip.

11 Januari 2022 Selasa	2.00 – 5.00 petang Telegram dan Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> Sesi soal jawab tentang penulisan transkrip projek.
12 Januari 2022 Rabu	3.00 petang WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> Nurul Izzah dan Nurul Atiqah berbincang untuk membuat penulisan artikel, transkrip, diari kajian serta medium dan peralatan merekod. Pembahagian tugas dimulakan.
26 Januari 2022 Rabu	3.30 petang WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> Nurul Izzah dan Nurul Atiqah membuat proses mengedit dan menambah baik penulisan artikel, transkrip, diari kajian serta medium dan peralatan merekod.
08 Februari 2022 Selasa	2.00 petang WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> Nurul Izzah dan Nurul Atiqah melakukan sentuhan akhir untuk penulisan artikel, diari kajian serta medium dan peralatan merekod sebelum dihantar.
10 Februari 2022 Khamis	6.00 petang Google Classroom	<ul style="list-style-type: none"> Penulisan artikel, diari kajian serta medium dan peralatan merekod dihantar.
	9.00 malam WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> Nurul Izzah dan Nurul Atiqah melakukan penulisan transkrip temu bual.
13 Februari 2022 Ahad	9.00 pagi WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> Nurul Izzah dan Nurul Atiqah melakukan sentuhan akhir untuk penulisan transkrip temu bual sebelum dihantar kepada Puan Nor Kamariah.

14 Februari 2022 Isnin	10.30 – 11.59 malam Google Classroom	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan transkrip temu bual dihantar.
15 Februari 2022 Selasa	10.00 pagi WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah berbincang untuk menyiapkan transkrip penuh projek. • Penulisan transkrip penuh dilakukan.
19 Februari 2022 Sabtu	3.00 petang WhatsApp	<ul style="list-style-type: none"> • Nurul Izzah dan Nurul Atiqah melakukan sentuhan akhir untuk penulisan transkrip lengkap
28 Februari 2022 Isnin	10.00 – 11.59 malam Google Classroom	<ul style="list-style-type: none"> • Transkrip lengkap dihantar dalam bentuk softcopy.

SENARAI SOALAN TEMU BUAL

1. LATAR BELAKANG TOKOH

1.1 Latar Belakang Peribadi

1. Apakah nama penuh puan?
2. Berapakah umur puan pada tahun ini?
3. Bilakah puan dilahirkan?
4. Di manakah puan dilahirkan?
5. Di manakah puan dibesarkan?
6. Berapakah bilangan adik beradik puan?
7. Siakah nama adik-beradik puan?
8. Siakah nama ibu dan bapa puan?
9. Apakah hobi puan sewaktu masa lapang?
10. Bilakah puan berkeluarga?
11. Nama suami puan?
12. Kerjaya suami tokoh?
13. Bilangan anak-anak tokoh?
14. Siakah nama anak-anak puan?
15. Umur dan kerjaya anak-anak tokoh?
16. Adakah anak-anak turut meminati bidang yang puan ceburi?
17. Jika ada, berapa orang yang terlibat?
18. Apakah harapan untuk anak-anak puan?
19. Bagaimanakah puan membahagikan masa antara keluarga dan kerjaya?

20. Siapakah idola bagi puan?

1.2 Latar Belakang Pendidikan

21. Apakah nama sekolah rendah puan?

22. Tahun bilakah puan memulakan persekolahan rendah?

23. Tahun bilakah puan menamatkan sekolah rendah?

24. Apakah nama sekolah menengah puan?

25. Tahun bilakah puan memulakan persekolahan menengah?

26. Tahun bilakah puan menamatkan sekolah menengah?

27. Adakah puan aktif dalam apa-apa aktiviti atau sukan semasa di persekolahan?

28. Apakah sukan atau aktiviti tersebut?

29. Tahun bilakah puan menyambung ke peringkat pengajian tinggi?

30. Di manakah pengajian peringkat tinggi puan?

31. Apakah jurusan yang puan ambil ketika di peringkat pengajian tinggi?

32. Tahun bilakah puan menamatkan pengajian peringkat tinggi?

33. Adakah puan masih berhubung atau berkomunikasi dengan rakan-rakan dari zaman persekolahan mahupun universiti?

2. KERJAYA

2.1 Pengalaman Pekerjaan

34. Apakah bidang pekerjaan yang mula-mula diceburi oleh puan selepas tamat pengajian?

35. Pada tahun berapakah puan mula menceburi bidang pekerjaan tersebut?

36. Apakah nama syarikat yang mula-mula puan bekerja?
37. Berapa lamakah puan bekerja dalam bidang tersebut?
38. Apakah jawatan yang disandang sewaktu bekerja dalam bidang tersebut?
39. Kenapa memilih pekerjaan itu?

2.2 Mengenai Bidang Lakonan

40. Boleh puan perkenalkan tentang bidang lakonan ini?
41. Bagaimana puan boleh menceburi bidang ini?
42. Siapa yang mendorong puan untuk menceburkan diri dalam bidang ini?
43. Apakah keunikan dan keistimewaan bidang ini?
44. Pada pendapat puan, adakah bidang lakonan ini mencabar?
45. Kenapa puan rasa bidang itu mencabar?

2.3 Mengenai Penglibatan Tokoh Dalam Bidang Lakonan

46. Bilakah mula puan terlibat dalam bidang lakonan?
47. Karya atau lakonan pertama dalam bidang ini yang puan terlibat?
48. Berapa banyak hasil karya atau lakonan yang telah dihasilkan sehingga kini?
49. Apakah hasil karya atau lakonan puan yang paling berkesan dihati dan
50. Kenapakah karya atau lakonan tersebut sangat berkesan dihati puan?
51. Kebiasaannya, berapa lama masa yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu karya atau terlibat dengan lakonan?
52. Apakah cabaran yang paling besar sepanjang terlibat dalam bidang lakonan?
53. Dalam bidang lakonan, puan suka karakter atau watak yang seperti apa?
54. Kenapa puan meminati watak tersebut?

55. Jika diberi peluang untuk memilih watak, apakah watak yang ingin puan lakonkan?

56. Siapa yang paling banyak menyokong perjalanan karier puan dalam bidang lakonan ini?

57. Jika diberi peluang, siapakah pelakon yang ingin dipilih oleh puan untuk digandingkan bersama?

2.4 Penglibatan Tokoh dalam Bidang Lain

58. Daripada sumber internet, puan juga seorang usahawan. Apa perniagaan yang telah puan jalankan?

59. Mengapakah puan berminat untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan?

60. Sudah berapa lamakah puan menjalankan perniagaan tersebut?

61. Selain terlibat dalam kedua-dua bidang tersebut, adakah puan terlibat juga dalam bidang nyanyian?

62. Bolehkah puan berkongsi kepada kami tentang bidang itu?

63. Bagaimanakah puan boleh terlibat dengan bidang nyanyian tersebut?

2.5 Pencapaian / Penganugerahan Dan Sumbangan

64. Sepanjang terlibat dalam bidang lakonan, apakah pengalaman yang manis dan tak boleh dilupakan?

65. Apakah pencapaian terbesar yang pernah dicapai sepanjang bergelar seorang artis?

66. Selain menerima anugerah dalam bidang lakonan, apakah penganugerahan lain yang puan perolehi?

67. Apakah pencapaian yang ingin puan kecapai?

3. PENDAPAT / PANDANGAN / NASIHAT

68. Sebagai seorang anak seni, apakah pandangan puan terhadap industri lakonan yang sekarang?

69. Apa beza industri lakonan yang dulu dan sekarang?

70. Apakah yang diperlukan oleh seorang anak seni khususnya pelakon untuk menghasilkan karya yang terbaik dan diterima oleh orang ramai?

71. Apakah harapan dan nasihat puan untuk anak-anak muda yang telah atau ingin menceburi industri lakonan?



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya..... TENGKU SARINA BINTI TENGKU MOHD MUZANI.....
K/P: pada 20 FEBRUARI 2022.....dengan ini
bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan
Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
Nama peserta kajian: TENGKU SARINA BINTI
TENGKU MOHD MUZANI
Tarikh: 20 FEBRUARI 2022

.....
Pensyarah: Nor kamariah Bt Chik
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA.

GAMBAR



Gambar 1: Puan Kuna Muzani bersama 3 orang anaknya



Gambar 2: Puan Kuna Muzani bersama 2 orang adik-beradik beliau yang turut sama terlibat dalam bidang lakonan (Kiri: Kuniey Muzani, Tengah: Kuza Muzani)



Gambar 3: Keluarga Puan Kuna Muzani

PENCAPAIAN / SUMBANGAN DALAM BIDANG LAKONAN



Gambar 4: Drama lakonan Puan Kuna Muzani iaitu drama 'Nur' diangkat sebagai Drama Pilihan di Anugerah Drama Festival Kuala Lumpur (DFKL) 2019

PENCAPAIAN LAIN

CELEBPREENEURS

KUNA MUZANI
OREO CONFLAKE,
CONFLAKE SWEET & SPICY,
COOKIES COCONUT LEGEND,
BUAH JERUK

NO. BOOTH: 44 - 48

SEK. MEN. KEB. TANAH MERAH (1)
TANAH MERAH, KELANTAN | 8 & 9 MAC 2019 | SEK. MEN. KEB. TANAH MERAH (2)
TANAH MERAH, KELANTAN

KUT2019 @tekunasional
KARNIVAL USAHAWAN TEKUN

Amjuran:

Dengan Kerjasama:

Gambar 5: Penglibatan Puan Kuna Muzani di Karnival Usahawan TEKUN 2019



Gambar 6: Sijil Penghargaan Puan Kuna Muzani sebagai Mentor Usahawan TEKUN 2019



Gambar 7: Temubual secara bersemuka bersama Puan Kuan Muzani



Gambar 8: Selesai sesi temu bual bersama Puan Kuna Muzani

INDEKS

A

Adegan 12, 13, 14

Adik-beradik 4

All Saints 3

Anak seni 2

Anugerah 16

Artis 5

B

Bakat 18

Berlakon 7, 8, 10, 13, 14

C

Cabaran 13

D

Diploma 6

Director 6, 9, 12, 17

F

Filem 9, 10, 14

FINAS 6

G

Guru 5, 6, 18

H

Hobi 5

I

Idola 5

Ilmu 13, 18

K

Karakter 8, 12, 18

Kelantan 3

L

Lakonan 5, 11, 16

M

Master Class 6

Mentor 16

N

Nur 11

Nyanyian 15

P

Pekerjaan 7

Pelakon 1, 5, 6, 7, 8, 12, 17, 18

Pencapaian 16

Pengalaman 7, 15, 17

Production House 7

R

Rating 11

RTM 9, 10

S

Saint Anne's 3

Seni 5, 8

Shooting 11, 12

Skrip 8, 12, 13, 17, 18

T

TEKUN 16

U

UIA 2

Uji bakat 9

Usahawan 16

W

Wardrobe 18

Watak 8, 10, 13